

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD
MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan dan pengawalan yang dilakukan oleh Kementerian dalam mengatasi masalah pengimportan haram jutaan tan sisa sampah dari luar negara ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani masalah ini secara keseluruhan, kementerian mengambil langkah-langkah berikut:

(i) meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan;

(ii) meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);

(iii) penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik yang diterajui bersama MESTECC dan Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menangani isu lambakan sisa plastik; dan

(iv) menganjurkan program peningkatan kapasiti pegawai-pegawai teknikal dan penguatkuasa berkaitan sisa plastik import.

2. Sehingga kini, sebanyak 239 jumlah kontena telah diperiksa dan sebanyak 7 kontena sisa plastik telah dihantar pulang ke negara asal.

Sekian, terima kasih.